



SULTAN PERAK

Perak negeri pertama punyai lagu kebangsaan

MENURUT Penyimpan Rekod Kerajaan, negeri yang mula2 sekali mempunyai Lagu Kebangsaan Negeri di-Malaysia ia-lah negeri Perak. Lagu rasmi ini telah di-persembahkan di-hadapan Sultan Idris pada tahun 1888.

Negeri yang kedua mempunyai Lagu Kebangsaan-nya ia-lah Negeri Johor ketika di-bawah pemerintahan Sultan Ibrahim.

Baginda telah memperkenankan lagu 'Dondang Sayang' yang dicipta khas oleh M. Galstan, sa-orang ketua pancharagam dalam tahun 1887.

Negeri Selangor jatah nombor tiga dengan lagu 'Chantek Manis'. Lagu tersebut telah di-gubah oleh Daniel Ortega pada tahun 1908 atas perintah Sultan Sulaiman ketika menjadi Raja Muda. Ia telah berbanding dengan Raja Haji BOL.

Kemudian menyusul pula Negeri Sembilan, Pahang dan Trengganu. Pahang telah mengadakan peraduan mengubah lagu kebangsaan dalam tahun 1923.

Sementara lagu kebangsaan negeri Trengganu telah di-gubah oleh Che'gu Mohd. Hashim bin Abu Bakar, pada tahun 1927. Ketika itu beliau menjadi guru pelajar Sekolah Melayu Paya Bunga.

Kelantan, telah lama berhasrat hendak memperkenalkan Lagu Kebangsaan. Upacara2 dan 'hidang' kebesaran yang di-hadiri oleh raja terlebih dahulu di-mulai dengan sa-buah lagu yang ketika itu di-mainkan bukan2 sahaja.

Lagu itu terkenal sahaja 'Daulat Raja' dan yang mengambil peranan besar ia-lah Gendang Besar.

Khas

'Mobat Diraja' tidak dimainkan dalam semua istiadat kerana ia dimainkan khas di-istana saja. Jadi chitaz Raja Kelantan hendak mengadakan Lagu Kebangsaan di-perkenankan.

Lagu rasmi mula dimainkan dalam masa pemerintahan Tengku Long Senik yang bergelar Sultan Muhammad IV (tahun Masehi 1399-1920) ia-itu nafiri dan gendang sahaja.

Tengku Ismail yang ditabalkan menjadi Sultan Kelantan dalam tahun 1921 merasa istiadat pertabalan itu kurang sempurna kerana tidak adanya sa-buah lagu rasmi.

Beberapa bulan selepas menjadi Sultan, baginda telah mentitahkan Tuan M. S. Menezese yang menjadi Ketua Pancharagam Polis Kelantan masa itu, supaya mengubah sa-buah lagu rasmi untuk dimainkan pada hari keputeraan baginda pada 5 Julai tahun 1927.

Lagu tersebut di-beri nama 'Selamat Sultan'.

Oleh

M. S. SHAFI'E

Tetapi lagu tersebut tidak mempunyai sen-kata hanya bunyi2an sahaja.

Seni-kata lagu itu telah di-gubah oleh Setiausaha Kerajaan Kelantan, Dato Haji Muhammad pada tahun 1930 dan lagu itu di-perkenankan oleh Sultan Ismail menjadi lagu rasmi negeri Kelantan pada tahun 1935.

Seni-kata lagu itu bagini bunyi-nya:
 Lanjutkan usia Sultan kami
 Sultan Kelantan Raja Akmari
 Aman sentosa Tuhan sirami
 Berkekalan masa memerintah kami
 Kasih dan taat di-sembahkan
 Sa-penoh keriang pa-tek ucapkan
 Segala kebesaran Allah chuchorkan
 Darjah kemuliaan Allah lambahkan.

Mahkota

Lagu ini kemudian di-perkenalkan kepada murid2 sekolah di-seuruh Kelantan yang menyanyikannya tiap2 pagi sebelum masuk bilik darjah.

Selain dari itu lagu tersebut juga di-ajar khas kepada bakal2 guru menengah, lataban Normal atau Darjah Wang Kaji. Pada ketika itu semua rakyat Kelantan mengenali dan menghormati lagu itu sa-bagai lagu negeri tersebut.

Pada hari kemahkotaan Sultan Yahya Putera pada 17 hingga 20 Julai tahun 1961, Enche Ismail Bakti P.B. telah mengubah lagu 'Selamat Kemahkotaan' yang berbunyi bagini pula:
YA TUHAN, YA TUHAN KU.

Lanjutkan usia Sultan Yahya Putera
 Rahmatkan baginda, naik bertakhta II
 Selamat bermahkota, memerintah kita,
 Berdaulat maha, dargahayu baginda;
LANJUTKAN USIA,
 Raja Perempuan Kelantan suri negara
 Rahmatkan-lah zuriat baginda memerintah kita
 Serta kemuliaan kepada baginda
 Berkekalan darjah sa-panjang2 masa
YA TUHAN KU,
 Kekal selama2 singgahsana baginda
 Memerintah Kelantan sa-panjang2 masa
 Memohon Illahi kurnia bahagie
 Lanjutkan usia baginda berdua.